

194  
Dari segi undang2 tidak  
timbulsebarang masalah

---

# P-RAYA KELANTAN BERASING

**Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pilihanraya umum boleh diadakan secara berasingan di Negeri Kelantan seperti mana pernah berlaku di Sabah dan Sarawak.**

Menurut beliau, perlembagaan membenarkan pilihanraya umum diadakan secara berasingan dan dari segi undang-undang ia tidak menimbulkan sebarang masalah.

Bercakap kepada Utusan Malaysia hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan setakat ini belum lagi membuat sebarang keputusan tentang sama ada perlu atau tidak pilihanraya berasingan di Kelantan.

"Soal ini tidak timbul lagi kerana tarikh pilihanraya umum masih belum ditetapkan," katanya.

Katanya lagi, berbagai perkara terutama sekali keadaan keselamatan perlu ditimbang dengan teliti sebelum sebarang ketetapan dibuat untuk menarik balik pemerintahan darurat di Kelantan yang diisytiharkan oleh Yang Dipertuan Agung pada 8 November tahun lalu.

Beliau menambah, jika keadaan tidak membenarkan Negeri Kelantan turut serta dalam pilihanraya umum akan datang, maka pilihanraya berasingan boleh diadakan satu atau dua tahun kemudian mengikut mana yang sesuai.

Jika ini berlaku jelas beliau, semua ahli Parlimen dari Kelantan boleh meneruskan khidmat mereka dan akan mendapat elaun masing-masing seperti biasa serta boleh menghadiri sidang Dewan Rakyat.

**Oleh KHALID MOHD**

Bagaimanapun, Dewan Undangan Negeri terus beku.

Perlu disebutkan, pemerintahan darurat di Kelantan tidak melibatkan kerusi Parlimen dan walaupun undang-undang darurat terus dikuatkuasa, pilihanraya Parlimen masih boleh dijalankan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, penentuan tarikh pilihanraya adalah hak kerajaan dan bukan atas kehendak mana-mana parti komponen Barisan Nasional.

Beliau membuat penjelasan ini bila ditanya sama ada benar Majlis Tertinggi UMNO mempunyai suara dalam perkara menentukan tarikh pilihanraya.

Bagaimanapun katanya, kerajaan boleh meminta pendapat dan pandangan Majlis Tertinggi atau lain-lain parti komponen Barisan dalam membuat ketetapan tersebut.

Setakat ini menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, Majlis Tertinggi UMNO sendiri masih belum lagi membincangkan perkara pilihanraya secara rasmi, sungguhpun ia pernah ditimbulkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang lalu.

Katanya, adalah berkemungkinan Dewan Tertinggi Barisan Nasional dan Majlis Tertinggi UMNO bersidang tidak lama lagi khusus untuk membincangkan perkara-perkara berhubung dengan pilihanraya.

Ditanya tentang kemungkinan Parlimen dibubarkan dalam bulan Mei, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Kerajaan memang telah meluluskan semua sidang Parlimen untuk sepanjang tahun ini."

"Tetapi parti yang memerintah mempunyai hak untuk membatalkan sidang-sidang yang dijadualkan itu," tambah beliau.

**LIHAT MUKA 12 [Ruangan 3]**



Tetapi bila ditanya apakah sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang dijadualkan dari 20 Mac hingga 28 April ini akan dibatalkan, beliau menjawab: "Setahu saya sidang tersebut akan diteruskan, tapi apa saja berkemungkinan."

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Pengrusi Biro Penerangan UMNO memberitahu, mereka telah mengadakan mesyuarat pada hari Isnin membincangkan antara lain persediaan menghadapi pilihanraya.

Katanya, antara perkara yang dibincangkan ialah soal mengatur jentera pilihanraya dari aspek penerangan serta tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada UMNO.

Menurut beliau, tidak ada sebarang arahan khas dikeluarkan untuk bertindak terhadap tuduhan-tuduhan itu kerana perjumpaan tersebut adalah perjumpaan

paan biasa semua biro bagi menyiapkan jentera masing-masing.

Sementara itu di Kota Bharu, Tengku Razaleigh Hamzah juga menjelaskan bahawa selagi kuasa-kuasa memerintah secara darurat tidak dibatalkan di Kelantan, maka selagi itulah pilihanraya umum tidak boleh diadakan di negeri itu walaupun selepas Parlimen dibubarkan.

Bagaimanapun katanya, ia tidak melibatkan pilihanraya bagi kerusi Parlimen kerana walaupun undang-undang darurat terus dikuatkuasakan, pilihanraya Parlimen masih boleh dijalankan.

Beliau menggesa penyelia-penyelia dan guru-guru kelas kemajuan masyarakat supaya melipat gandakan usaha memberi penerangan kepada rakyat bagi menguatkan lagi UMNO di Kelantan untuk menentukan UMNO dapat memerintah Negeri Kelantan selepas pilihanraya nanti.